

**INDAHNYA KENEGARAAN ISLAM** oleh Mohammad Nidzam Abdul Kadir. Penerbit Telaga Biru Sdn. Bhd: Kuala Lumpur. 2013. Hlm. 173. Indeks 171 -173. ISBN 978-967-388-136-9

Islam adalah agama yang syumul dan lengkap. Ia merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Ajarannya amat menyeluruh serta tidak memisahkan sesuatu perkara dengan perkara yang lain. Politik di kaca mata masyarakat sering dilihat sebagai sesuatu yang kotor sehingga ada yang mengasingkannya daripada urusan agama. Buku yang sangat menarik untuk dibaca “Indahnya Kenegaraan Islam” akan merungkai persoalan-persoalan negatif dalam minda masyarakat terhadap politik di samping mempunyai kupasan-kupasan mendalam yang lain terhadap isu yang dihadapi oleh umat Islam kini.

Inti pati buku ini adalah hasil kajian ilmiah Mohammad Nidzam Abdul Kadir. Penulis berasal dari Alor Setar, Kedah. Beliau mula mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Alor Mengkudu dan kemudiannya bersekolah di Maktab Mahmud, Alor Setar. Setelah tamat pengajian di peringkat menengah, beliau menyambung pengajian di peringkat diploma di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) atau nama barunya kini ialah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dari tahun 1995 hingga 1998. Seterusnya, beliau menimba sedikit pengalaman pondok di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan sebelum menyambung pengajian di Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab, Universiti al-Azhar, Kaherah. Beliau sempat mengikuti kursus peringkat sarjana di American Open University, Kaherah. Beliau juga merupakan lulusan sarjana dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Doktor Falsafah dari Universiti Malaya (UM). Kini, beliau berkhidmat sebagai pensyarah di UIAM. Di samping aktif dalam dunia penulisan agama, beliau juga banyak mengendalikan kuliah agama di masjid dan surau serta terlibat dengan program-program TV dan radio.

Justifikasi memilih buku ini adalah untuk membuka mata masyarakat agar lebih peka kepada permasalahan-permasalahan politik yang berlaku dalam negara. Politik dan Islam tidak dapat dipisahkan sama sekali kerana Islam itu bersifat syumul dan merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Buku ini mampu menjadi garis panduan dalam berpolitik kepada rakyat umumnya dan pemerintah khususnya.

Penulisan buku ini meliputi konsep negara menurut Islam berdasarkan ciri-cirinya, seperti yang disarankan oleh agama Islam. Antara objektif yang dapat digarap di dalam buku ini ialah menyingkap pendekatan Islam dalam pemerintahan dan kenegaraan. Selain itu, objektifnya ialah memberi garis panduan kepada rakyat dan pemerintah dalam etika bernegara di samping mengharmonikan sistem yang sedia ada agar selari dengan panduan Islam.

Buku setebal 173 halaman ini mengandungi 9 bab secara keseluruhannya, diolah dan disusun dengan penulisan yang kemas dengan memberi gambaran kepada pembaca mengenai perihal kenegaraan Islam. Setiap bab dimulai dengan tajuk yang tertentu menjadikan buku ini sangat menarik untuk dibaca.

Bab satu dibuka dengan memberi gambaran kepada pembaca tentang negara hari ini. Bab ini membincangkan ciri-ciri negara Islam dan negara sekular. Digariskan tiga ciri negara Islam seperti pelaksanaan syariat dalam sesuatu kawasan, kawasan yang terzhahir dakwah Islam dalam kalangan masyarakatnya dan umat Islam mendapat keamanan dan perlindungan bagi diri dan agama. Manakala negara sekular pula terdapat pemisahan agama dari negara dan pemakaian undang-undang berdasarkan fikiran manusia semata-mata. Penulis juga mengetengahkan idea pembinaan negara kontemporari yang menepati acuan Islam. 12

konsep negara kontemporari ialah pengisian dalam negara berasaskan Islam, berusaha menjadi negara yang baik, memastikan keamanan negara terpelihara di samping memakmurkan ekonomi negara. Selain daripada itu, negara kontemporari juga adalah negara yang menjaga masyarakat daripada penindasan dan kezaliman serta mewujudkan masyarakat yang bertakwa kepada Allah SWT. Dasar negara yang memelihara maqasid syariah dan membezakan antara negara Islam dengan bukan Islam juga adalah antara garapan negara kontemporari. Konsep yang seterusnya dalam idea negara kontemporari ialah mengutamakan kebajikan masyarakat berdasarkan kemampuan negara. Seterusnya, syiar Islam ditegakkan dengan baik dan memartabatkan undang-undang Islam. Undang-undang Islam yang dimaksudkan di sini ialah dalam aspek jenayah iaitu qisas, hudud dan takzir. Sementara konsep terakhir dalam pembinaan negara kontemporari ialah kesatuan umat negara-negara Islam.

Bab dua pula adalah berkaitan Kepimpinan Negara. Sebagai rakyat, kita perlu patuh kepada *Ulil Amri*. Konsep Ulil Amri adalah merujuk kepada pihak berkuasa yang dipertanggungjawabkan untuk memegang urusan sesuatu perkara. Rakyat perlu patuh kepada ulil amri demi keamanan dan kestabilan negara. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang dikecualikan daripada kita untuk mematuhiinya seperti perkara maksiat dan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Penulis seterusnya telah mengupas Kewajipan Pucuk Pimpinan Negara dalam bab 3. Antara kewajipan dan tanggungjawab pemimpin negara ialah memelihara agama sebaik-baiknya di samping memberi penekanan kepada bidang pendidikan. Pendidikan perlulah merangkumi semua bidang dan tidak terhad kepada bidang agama sahaja. Pemimpin juga perlu mewujudkan kehakiman yang adil, memelihara keselamatan dan keamanan dalam negara di samping membangunkan ekonomi negara. Pemimpin juga berperanan mengawal kewangan negara, mengutamakan kebajikan masyarakat, menyediakan prasarana kesihatan di samping melantik pegawai yang jujur dan amanah dalam pentadbiran. Selain daripada itu, pemimpin juga perlu menunaikan janji dalam manifesto pilihan raya. Pemimpin yang tidak menunaikan janji dianggap sebagai munafik kerana di antara ciri-ciri munafik ialah memungkiri janji.

Bab yang seterusnya pula adalah berkisar Persatuan dan Parti Politik. Tidak dinafikan bahawa di negara kita terdapat pelbagai parti politik seperti parti berasaskan agama dan bangsa. Sewajarnya, kewujudan parti politik dan persatuan tidak memecahkan kesatuan umat Islam. Perbezaan dalam parti politik yang menyebabkan perpecahan umat Islam adalah perkara yang perlu dijauhi sama sekali. Sebagaimana yang dimaklumi, orang Islam itu adalah bersaudara berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

*Maksudnya: “Sesungguhnya semua orang yang beriman adalah bersaudara”*

*(al-Hujurat: 10)*

Manakala bab seterusnya membicarakan Teguran dan Pembangkang. Islam tidak menolak kewujudan pembangkang dalam sesuatu negara. Konsep bangkangan yang berasaskan kepada teguran dan kritikan amat perlu lebih-lebih lagi dalam usaha islah dan transformasi negara. Bangkangan yang diharuskan adalah yang berasaskan kepada prinsip nasihat dan *amar makruf nahi munkar*.

Bab 6 pula menyentuh Akhlak Berpolitik. Penulis menggariskan beberapa adab yang perlu diselami oleh pemimpin khususnya dalam berpolitik. Antaranya ialah tidak melakukan

pembohongan untuk meraih undi dan pengaruh. Selain itu, pemimpin juga perlu menjauhi cacian sama ada dalam percakapan atau tulisan. Pemimpin juga mestilah bersifat adil dan tidak pilih kasih serta mudah didekati oleh masyarakat. Bersedia menerima kebenaran dan menjauhi sikap mendedahkan keburukan dan kejahatan seseorang juga adalah sifat yang perlu ada pada seseorang pemimpin.

Pemimpin yang baik juga hendaklah tidak menyebarkan sesuatu berita yang belum pasti terbukti kesahihannya. Dengan kata lain, pemimpin haruslah bersifat *tabayyun*. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum Dengan perkara yang tidak diingini - Dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.*

*(al-Hujurat:6)*

Selain itu, pemimpin juga jangan sesekali melaknat orang lain. Laknat bermaksud menjauhkan seseorang daripada rahmat Allah SWT. Golongan ini perlu bersifat rasional dalam semua perkara termasuklah dalam isu keruntuhan akhlak. Pemimpin yang baik juga akan berusaha untuk menjaga silaturrahim dan tidak akan sesekali memutuskan hubungan kekeluargaan dan ukhuwah. Amatlah rugi orang memutuskan hubungan ini sebagaimana firman Allah SWT bermaksud:

*Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*

*(al-Hujurat: 10)*

Akhlak yang seterusnya perlu ada pada pemimpin ialah tidak menzalimi orang lain. Perbezaan parti tidak boleh dijadikan sebagai alasan untuk kita berlaku zalim. Pemimpin yang baik juga perlu menjaga harta negara sebaik-baiknya. Mereka juga perlu amanah dan tidak sesekali menggunakan harta negara untuk kepentingan diri sendiri. Selain itu, perbuatan dan akhlak seseorang pemimpin perlulah selari dengan apa yang diucapkannya. Sensitif dan peka terhadap sesuatu isu perlu ada dalam diri pemimpin. Sebagai contoh, sensitif terhadap isu perkauman dan agama. Pemimpin juga perlu menjauhi tindakan yang tidak wajar dan bertentangan dengan Islam.

Pemimpin yang baik juga akan menjauhi sikap mudah melabel seseorang. Sebagai contoh sekiranya seseorang individu memberi pandangan yang tidak sehaluan dengan kita, kita tidak boleh sesekali menuduhnya menyebelahi sesuatu pihak atau parti. Seterusnya, akhlak yang terakhir yang wajar ada pada pemimpin ialah berhemah dalam segenap perkara. Pemimpin yang matang perlu berhemah dan menerima kritikan dengan hati yang terbuka dan selalu berlapang dada. Sekiranya semua pemimpin di dunia berakhlak dengan akhlak-akhlak sedemikian, nescaya pentadbiran negara akan bertambah baik selain dapat mencetuskan keamanan dan kestabilan dalam semua perkara.

Bab seterusnya penulis telah mengupas tajuk berkaitan Sistem Pentadbiran Negara. Bab ini menjelaskan sistem demokrasi, syura, pembahagian kuasa antara eksekutif, perundangan dan kehakiman, dasar-dasar negara dan lain-lain. Sistem demokrasi bermaksud pemilihan kepimpinan berdasarkan undian masyarakat. Ini berasal dari negara barat dan telah diterima pakai di Malaysia sejak berdekad lamanya. Ini mempunyai persamaan antara sistem pemerintahan Islam dan bertepatan dengan ajaran Islam sebagaimana yang dinyatakan Dr. Yusuf al-Qaradhawi. Walau bagaimanapun, demokrasi menjadi bertentangan dengan ajaran Islam apabila wujud keadaan-keadaan tertentu seperti penipuan dalam amalan demokrasi, terdapat rasuah dan pembelian undi serta parti politik memburuk-burukkan dan memfitnah golongan yang berlainan parti dengannya.

Konsep syura juga merupakan asas penting dalam pentadbiran negara. Tiada kewajipan syura dalam perkara yang *qath'i*. Syura hanya dilaksanakan dalam beberapa perkara seperti perkara yang tiada nas syarak dan perkara yang ada nas syarak tetapi tidak muktamad. Bagi perkara yang mempunyai nas syarak yang muktamad, diharuskan syura bagi tujuan membincangkan kaedah pelaksanaan. Selain itu, syura boleh dilaksanakan dalam perkara-perkara teknikal yang diketahui oleh pakar sahaja.

Dasar-dasar negara juga diwujudkan sebagai pelan panduan bagi pentadbiran negara. Ini bertujuan supaya segala perancangan dan tindakan tidak tersasar daripada radar dasar negara. Sewajarnya, dasar negara ini tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Seterusnya dalam bab 8, hak kewarganegaraan pula dibincangkan. Terdapat sedikit kesilapan dalam buku ini yang mana bab 8 telah ditulis sebagai bab 9. Bab ini membicarakan tentang hak-hak yang diperoleh oleh individu dalam negara seperti kebebasan akidah, kebebasan individu, hak bersuara, hak berhimpun dan hak berekonomi. Islam menjamin kebebasan berakidah atau beragama dan tiada paksaan dalam mengamalkan agama masing-masing. Undang-undang demokrasi dalam negara pula menjamin hak kebebasan individu. Dalam kata lain, individu bebas melakukan apa sahaja selagi tidak melanggar undang-undang negara. Sementara dalam Islam, kebebasan individu adalah tidak bersifat mutlak kerana manusia terikat dengan hukum-hakam syarak. Islam juga mengajar umatnya untuk hormat kepada hak individu kerana Islam melarang manusia daripada berburuk sangka terhadap orang lain.

Hak kewarganegaraan yang lain seperti hak bersuara memfokuskan setiap individu bebas menyatakan pandangan dan memberi kritikan. Sewajarnya hak sebegini dibatasi dengan peraturan dan adab yang tertentu. Antara hak rakyat juga adalah terjamin kebajikannya terutama golongan fakir dan miskin. Masyarakat juga mempunyai hak untuk mengadakan perhimpunan iaitu mengadakan demonstrasi bagi menyokong atau menyatakan bantahan terhadap sesuatu perkara. Perhimpunan sewajarnya dilakukan tempat bersesuaian agar terkawal. Perhimpunan yang tidak terkawal amat berbahaya kerana boleh membawa kepada pergaduhan antara kaum, parti politik dan lain-lain. Hak terakhir bagi seseorang warganegara ialah hak berekonomi. Ini bermaksud individu bebas berusaha mendapatkan kekayaan dan harta. Pada masa yang sama, pihak kerajaan juga perlu membantu masyarakat dalam bidang ekonomi seperti menyediakan pinjaman dan pemasaran produk.

Buku ini diakhiri dengan bab 9 yang bertajuk *Maqasid Syariah* dalam Pentadbiran Negara. Terdapat juga kesilapan dalam buku ini iaitu bab 9 ditulis sebagai bab 10. Terdapat tiga peringkat dalam maqasid al-syariah iaitu *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Dalam aspek pentadbiran negara, asas dharuriyyat yang terdiri daripada lima elemen iaitu memelihara agama, memelihara jiwa, memelihara akal, memelihara nasab keturunan dan memelihara

harta perlu diutamakan berbanding daripada aspek *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Kerajaan perlu memelihara agama dengan cara menjaga kesucian Islam serta membanteras ajaran sesat. Antara cara lain yang boleh dilakukan oleh kerajaan dalam usaha memelihara agama ialah pelaksanaan hukuman Islam, pemantapan pentadbiran agama Islam, pemerkasaan dakwah Islam dan pengurusan zakat secara sistematik dan teratur.

Manakala bagi memelihara elemen kedua iaitu nyawa. Kerajaan perlu menekankan soal memelihara nyawa daripada kemusnahan. Justeru, hukuman qisas perlu dilaksanakan di samping penambahbaikan daripada aspek kesihatan rakyat. Seterusnya dalam aspek memelihara akal, undang-undang wajar dikuatkuasakan dan bidang pendidikan dimajukan. Dalam aspek pemeliharaan nasab keturunan pula, kerajaan perlu memantau dunia fesyen agar tidak keterlaluan dan menjolok mata. Hukuman hudud zina juga wajar dilaksanakan secara terbuka supaya menjadi pengajaran kepada masyarakat untuk tidak mendekati zina apatah lagi melakukannya.

Akhir sekali sebagai langkah pemeliharaan harta, kerajaan perlu mengawal harga barang, mewujudkan sistem perbankan yang patuh syariah serta mencegah rasuah. Secara keseluruhannya, pelan atau dasar negara yang digubal perlu mengambil kira aspek maqasid al-syariah demi kelangsungan dan kestabilan negara.

Kesimpulannya, buku ini sangat baik dari segi kupasan dan pendekatannya adalah mudah difahami. Ilustrasi yang terdapat dalam buku ini juga mampu menarik masyarakat untuk membacanya. Susunan bahasa yang baik juga menjadikan buku ini lebih dekat kepada pembaca dan amat sesuai dijadikan sebagai rujukan bagi pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah baik seperti penggunaan laras bahasa yang lebih tepat dan penambahbaikan dari aspek teknikal yang mana bab 8 telah ditulis sebagai bab 9. Dan seterusnya bab 9 ditulis sebagai bab 10.

**Siti Zaleha binti Ibrahim**

Pensyarah,  
Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,  
Pusat Pengajian Teras,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.